

Abdullah minta Iran patuhi sekatan PBB

PUTRAJAYA 27 Mac - Biarpun sekatan yang dikenakan ke atas Iran oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) adalah satu tindakan berat namun negara itu diharap dapat mematuhi, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, Iran perlu mengambil tindakan segera untuk mematuhi dan kalau ada perkara yang boleh dibawa ke PBB mengenai perkara itu, ia terserah kepada

Iran.

"Itu adalah satu keputusan yang diperseujui oleh semua anggota PBB dan tentulah sekali diharapkan Iran akan mematuhi kerana ini keputusan PBB.

"Walaupun ini merupakan satu tindakan yang berat bagi Iran, saya harap Iran akan mengkaji betul tentang betapa perlunya dia (Iran) mengambil kira sekatan yang akan dikenakan terhadapnya, bagaimana hendak mematuhi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas memperkerusi mesyuarat Majlis Sumber

Air Negara Ke-3 di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid.

Isu kontroversi nuklear Iran memasuki fasa baru Ahad lalu dengan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebulat suara meluluskan sekatan kedua - dalam tempoh empat bulan - ke atas Teheran.

Keputusan itu dicapai ketika ketegangan ekoran tindakan Iran menahan 15 askar

Britain pada Jumaat lalu, di kawasan perairan dikatakan milik Teheran, masih belum menemui jalan penyelesaian.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, memang menjadi pendirian Malaysia bahawa menjadi hak mana-mana negara untuk membuat penyelidikan atau menggunakan tenaga nuklear untuk tujuan keamanan.

Namun dalam hal berkaitan Iran, katanya, ada masalah timbul sehingga menyebabkan PBB mengambil tindakan seumpama itu.

UM - 28/3/2007